


# HARGAILAH ANUGERAH ALAM



Sifat manusia amat mudah dibaca. Apabila tiba musim kemarau, mereka akan bertanya: bilakah hujan akan turun? Sekiranya tiba musim tengkujuh, mereka akan bertanya: bilakah pula musim kemarau akan tiba?

**AHMAD ZAHARUDDIN SANI SABRI**

Penulis Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir  
Universiti Utara Malaysia.

“**H**ANGAT sungguhlah cuaca la ni,” itu antara ungkapan biasa bagi orang utara Semenanjung. Rata-rata tempat di Malaysia dilanda cuaca panas dan kering. Menurut pakar ramalan kaji cuaca, keadaan ini dijangkakan berlarutan hingga penghujung Jun.

Menurut laporan berita, daerah Chuping dan Alor Setar mencatat suhu setinggi 39 darjah Celsius kerana fenomena gelombang panas ini.

Penyakit bersangkutan paut dengan cuaca panas ini menyebabkan kematian beribu-ribu orang pada dekad yang lalu. Pada tahun 1980-an, gelombang panas di Amerika Syarikat menyebabkan kematian 1250 orang, manakala 50 ribu orang lagi mati semasa gelombang panas melanda benua Eropah pada tahun 2003. Sehingga artikel ini ditulis, Malaysia mencatatkan kes dua kematian.

Fenomena alam sebenarnya menjadi cabaran kepada manusia untuk memikirkan cara mengatasinya atau menggunakannya sebagai sumber rezeki. Bagi orang

yang sentiasa berfikir, impak kemarau dapat diatasi jika ada langkah berkesan untuk menyimpan air dilakukan dahulu lagi.

Secara ironinya, kita tidak boleh menyalahkan faktor semula jadi 100 peratus sebagai penyebab masalah air.

Islam mengingatkan setiap penganutnya agar menggunakan kepakaran dan fikiran bagi menyelesaikan setiap masalah kehidupan, termasuk mengatasi masalah air ketika kemarau. Al-Quran turut memberikan peringatan bahawa pusingan kehidupan itu ada masanya dilimpahi nikmat dan ada ketikanya kekurangan sumber, termasuk makanan.

Kisah Nabi Yusuf a.s. diceritakan dalam al-Quran. Allah mengingatkan agar hasil bijirin disimpan untuk kegunaan masa hadapan dan menurut tafsiran, selepas tujuh kali pengeluaran hasil yang baik, akan berlaku musim sukar kerana kemarau atau banjir atau angin kencang. Pada ketika itu, makanan yang disimpan perlu dikeluarkan untuk mengelakkan kebuluran.

Begitu juga dengan air bersih yang perlu diurus dengan berkesannya supaya semasa musim kemarau, air yang disimpan dapat dikeluarkan. Sekurang-kurangnya, rakyat tidak menjadi resah, seperti yang berlaku sekarang.

Negara ini boleh mencontohi negara maju untuk mengawal selia pengurusan air. Australia, misalnya, mengamalkan langkah pengharaman membasuh kereta di premis persendirian serta melarang penggunaan air terawat untuk menyiram tanaman ketika musim kering dan kemarau.

Penyiraman tanaman hanya boleh menggunakan air hujan atau air yang diguna pakai, manakala membasuh kereta hanya dilakukan di kedai tertentu.


Begitulah ketatnya kawalan yang dikenakan oleh Kerajaan Australia yang mengehadkan jumlah air yang digunakan untuk setiap rumah bergantung pada jumlah penghuninya.


Mungkin kaedah ini dapat dilakukan di negara ini. Air hujan digunakan semula dan setiap buah rumah digalakkan mempunyai tangki simpanan air hujan untuk kegunaan harian. Pada masa ini, apabila alat pendingin hawa menjadi

keperluan, tangki penyimpanan air lebih daripada alat ini perlu dikuatkuasakan supaya tidak terus terbuang ke longkang.

Walaupun banyak pihak yang berbicara tentang tenatnya alam yang didiami ini, sejauh manakah kata mereka seiring dengan perbuatan mereka atau sekadar retorik? Sejauh mana pula peranan yang dimainkan oleh badan tertentu sebagai kuasa pendesak terhadap kerajaan supaya sama-sama prihatin menangani isu ini?

Sejauh manakah masyarakat kita menghargai hakikat bahawa air bukan sekadar komoditi, tetapi sumber kehidupan yang amat penting yang tidak boleh dibazirkan begitu sahaja?

Sudah tiba masanya kita memikirkan isu kekurangan bekalan air dengan lebih serius, terutamanya ketika musim kemarau. Kita perlu sedar bahawa isu ini bukan isu terpendil, sebaliknya isu global yang sangat serius yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak. Walaupun kita mempunyai limpahan air hujan yang tinggi, jangan sampai "air mudik sungai, semua teluk diranai". Akhirnya, segala penderitaan ditanggung oleh rakyat. 



Negara ini boleh mencontohi negara maju untuk mengawal selia pengurusan air. Australia, misalnya, mengamalkan langkah pengharaman membasuh kereta di premis persendirian serta melarang penggunaan air terawat untuk menyiram tanaman ketika musim kering dan kemarau.